



## LAMPIRAN FAKTA

### A) SKIM PRIHATIN PENDIDIKAN 1MALAYSIA

1. Kerajaan telah memperkenalkan dasar 1Malaysia, dalam usaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan ekonomi pendapatan tinggi agar rakyat berpeluang menikmati sepenuhnya manfaat daripada transformasi Negara. Untuk perkara ini direalisasi, Kerajaan sedar modal insan yang kompetitif dan berkualiti amatlah penting. Maka dengan itu, pendidikan adalah satu perkara yang kerajaan utamakan dalam usaha transformasi negara. Pelbagai perkara telah Kerajaan perkenalkan untuk memastikan pendidikan diberikan perhatian penuh oleh semua pihak dan rakyat Malaysia.
2. Kini, kerajaan memperkenalkan satu lagi inisiatif, Skim Prihatin Pendidikan 1Malaysia (SPP1M) bagi membantu pelajar-pelajar di peringkat pengajian tinggi mendapat kemudahan pinjaman kewangan tambahan. Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana dalam bidang yang telah dikenalpasti di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan boleh memohon untuk mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam skim ini. Kerajaan sedar bahawa tempat di institusi pengajian tinggi awam adalah terhad dan terdapat ramai pelajar yang meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi swasta tempatan dan juga di luar negara. Yuran pengajian terutamanya bidang-bidang professional dan kritikal di institusi pengajian tinggi swasta tempatan dan juga institusi pengajian tinggi di luar negara adalah lebih tinggi. Walaupun dengan adanya pinjaman PTPTN, ramai pelajar terutama dari golongan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana perlu mempunyai dana sendiri untuk menampung yuran pengajian anak mereka. Begitu juga dengan mereka yang mengikuti pengajian di luar negara, ibubapa perlu mempunyai dana yang mencukupi kerana tiadanya pinjaman PTPTN.

## SKIM PRIHATIN PENDIDIKAN 1MALAYSIA (SPP1M)

3. SPP1M bertindak sebagai pinjaman “top up” kepada dana atau pinjaman PTPTN yang sedia ada untuk pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana dalam bidang yang dikenalpasti. SPP1M bertujuan membantu pelajar-pelajar menampung yuran pengajian yang tidak diliputi oleh PTPTN.
4. Bagi tujuan ini, jumlah jaminan Kerajaan yang dicadangkan di bawah SPP1M ini adalah sebanyak RM500 juta merangkumi peratusan jaminan sebanyak 10 peratus daripada jumlah dana SPP1M yang berjumlah RM5 bilion (daripada institusi-institusi kewangan). Peratusan jaminan Kerajaan sebanyak 10 peratus yang dicadangkan ini adalah bagi keseluruhan portfolio pinjaman yang akan diberikan oleh institusi-institusi kewangan tempatan yang bersetuju untuk menyertai SPP1M.

### **B) KEPERLUAN SPP1M**

1. Pinjaman SPP1M berfungsi sebagai dana tambahan untuk pelajar-pelajar yang sedang mengikuti ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi, professional dan ijazah sarjana bidang kepakaran perubatan di institusi pengajian tinggi tempatan dan di luar negara. Institusi-institusi ini perlu diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
2. Untuk institusi pengajian tinggi tempatan, pinjaman ini akan melengkapkan pinjaman kewangan semasa yang disediakan oleh PTPTN yang mungkin tidak mencukupi untuk menampung sepenuhnya yuran pengajian.
3. Pinjaman ini akan memberikan kewangan tambahan yang diperlukan oleh ibubapa untuk membiayai pengajian anak mereka di dalam dan di luar negara. Simpanan ibubapa yang sedia ada hanya

mungkin mencukupi untuk menampung separuh dari yuran pengajian memandangkan kos pengajian terutamanya di luar negara adalah tinggi.

**C) INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DAN BIDANG PENGAJIAN YANG DIKENALPASTI**

Institusi pengajian tinggi tempatan di bawah skim ini adalah seperti yang disenaraikan dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia SETARA'13 oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Institusi Pengajian Tinggi ini haruslah berdaftar dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) untuk membolehkan institusi dan kursus mereka disemak pengiktirafannya. Senarai bidang pengajian pula adalah berdasarkan 'National Education Code' yang disediakan di dalam laman sesawang Yayasan Peneraju ([www.yayasanpeneraju.com.my](http://www.yayasanpeneraju.com.my))

**D) PERBEZAAN ANTARA "SKIM PRIHATIN PENDIDIKAN 1MALAYSIA (SPP1M)" DENGAN BIASISWA / PINJAMAN YANG DISEDIAKAN**

SPP1M	PTPTN	MARA	JPA	Lain-lain (Korporat dsb)
Pelajar ijazah sarjana muda dalam bidang Sains, Teknologi dan Profesional yang dikenal pasti dan ijazah sarjana kepakaran perubatan.	Pelajar yang memenuhi syarat kemasukan ke institusi tempatan, pembiayaan diberikan berdasarkan pendapatan isi rumah	Pelajar dengan keputusan cemerlang berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan	Pelajar dengan keputusan cemerlang berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan	Pelajar dengan keputusan cemerlang berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan

## SKIM PRIHATIN PENDIDIKAN 1MALAYSIA (SPP1M)

“Top Up” pinjaman oleh institusi kewangan di mana 10% dari jumlah pinjaman dijamin oleh Kerajaan.	Pinjaman berdasarkan kursus, jumlah maksima terhadap	Biasiswa penuh & pinjaman (boleh ubah)	Pembiayaan penuh daripada Kerajaan dalam bentuk biasiswa atau pinjaman	Biasiswa penuh
---	--	--	--	----------------

### E) RANGKA KERJA PELAKSANAAN SPP1M

#### 1. KETERANGAN AM

Di bawah SPP1M, peranan semua pihak yang terlibat telah dikenalpasti seperti berikut:

- Yayasan Peneraju – menyediakan dan menggubal rangka kerja / polisi serta menyokong pelajar yang berkualiti
- Institusi kewangan - kemudahan pembiayaan & pemantauan pembayaran balik
- Kerajaan - menjamin sehingga 10% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan agar institusi kewangan dapat memberikan terma pinjaman yang berpatutan untuk pelajar menyempurnakan pengajian mereka. Jaminan ini tidak bererti peminjam dikecualikan daripada membayar balik wang pinjaman sepenuhnya tetapi merupakan satu inisiatif kerajaan untuk mengurangkan risiko institusi kewangan yang mengambil bahagian demi membantu pelajar mendapat sumber kewangan yang lain untuk membiayai yuran pengajian mereka.
- Institusi pengajian tinggi – menawarkan tempat bagi pelajar yang memenuhi syarat kelayakan dan memantau prestasi pelajar
- Pelajar – harus mengekalkan keputusan PNGK 3.0 setiap semester & membayar balik pinjaman tersebut

## 2. KRITERIA PEMILIHAN

- Warganegara Malaysia yang sedang mengikuti kursus pengajian sepenuh atau separuh masa (tidak termasuk kursus pengajian jarak jauh) dalam:
  - Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains, Teknologi dan Profesional.
  - Ijazah Sarjana untuk kursus kepakaran dalam bidang perubatan
- Kelayakan akademik minima dalam STPM, Pengajian Asas, Matrikulasi dan Diploma seperti yang ditentukan oleh Agensi Kelayakan Malaysia
- Kursus terpilih sejajar dengan permintaan negara
- Penempatan ke dalam institusi yang diiktiraf yang ditentukan oleh Yayasan Peneraju

## 3. STRUKTUR PINJAMAN

- Pinjaman SPP1M tidak lebih daripada RM150 ribu untuk kursus ijazah sarjana kepakaran dalam perubatan, ijazah pertama dalam Sains Perubatan (Klinikal, Pergigian, Farmasi), dan RM100 ribu untuk kursus-kursus lain seperti Perniagaan dan Perundangan (Kewangan, Perbankan, Insurans, Perakaunan dan Percukaian, Undang-undang dan Undang-undang Syariah), Kejuruteraan, Seni Bina, Sains dan Sains Komputer
- Tempoh pinjaman 19.5 tahun (15 tahun pembayaran balik)
- Faedah semasa tempoh pengajian akan dipermodalkan
- Pembayaran balik bermula 6 bulan selepas tamat pengajian atau akhir pengajian
- Pembiayaan pinjaman akan dibuat secara langsung kepada institusi pengajian tinggi mengikut semester

#### **4. PENGURUSAN PINJAMAN**

- Kerajaan menyediakan jaminan sehingga 10% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan agar institusi kewangan dapat memberikan terma pinjaman yang berpatutan supaya pelajar dapat menyempurnakan pengajian mereka.
- Pinjaman diuruskan oleh insituti-insituti kewangan yang mengambil bahagian
- Model berdasarkan terma yang akan dilaksanakan oleh Maybank (setakat ini) dan penyertaan dari institusi kewangan lain amat dialukan.

#### **5. PENGLIBATAN YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA (Yayasan Peneraju)**

Yayasan Peneraju mempunyai infrastruktur dan tenaga kerja yang sedia ada bagi memastikan program ini dapat direka bentuk dan dilaksanakan secepat mungkin. Menyedari kepentingan pengajian tinggi kepada negara, masa adalah suatu elemen yang dititikberatkan dalam memastikan program ini dapat dilaksanakan secepat mungkin agar bantuan “top up” ini dapat dinikmati oleh golongan pelajar yang memerlukan.